

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

September 1999

PPG 214/PDP 414 – Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia 1

Masa: (2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 7 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan : Jawab soalan **satu (1)**, soalan **dua (2)** dan **satu (1)** soalan pilihan yang lain.

1. Huraikan dan analisiskan perkara-perkara berikut:

- i) Pilih tiga teori huraihan bahasa dan buat satu analisis perbandingan antara ketiga-tiga teori berkenaan.
- ii) Pilih tiga pendekatan utama dalam pengajaran bahasa Melayu dan tunjukkan perbezaan ketiga-tiga pendekatan tersebut
- iii) Pilih tiga kaedah pengajaran bahasa Melayu dan bandingkan kekuatan dan kelemahan kaedah tersebut berdasarkan kemahiran bahasa yang hendak diajarkan.

(100 markah)

2. Bincangkan sumbangan dan penggunaan bahan-bahan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu bagi meningkatkan penguasaan, kesantunan bahasa, dan pengayaan dan penghayatan bahasa. Perbincangan anda harus berdasarkan teks sastera berbentuk puisi (klasik dan moden) atau prosa (klasik dan moden).

(100 markah)

3. Berdasarkan senarai kecekapan berterusan dalam pengajaran Bahasa Malaysia yang disenaraikan dalam Lampiran A beserta dengan petikan 1 : (Prosa Klasik) yang disediakan, anda dikehendaki menyediakan satu rancangan pengajaran harian. Reka bentuk pengajaran harian yang disediakan harus mengandungi unsur-unsur penggabung jalinan, penyerapan dan penyebatian dalam pengajaran bahasa.

(100 markah)

...2/-

Petikan 1 : Prosa (Klasik)

Maka baginda Tuan Puteri Kuntum Ratna Suri pun mendapatkan puteranya, serta bersalam-salam dengan Tuan Puteri Bidadari Segerba dan tuan puteri keenam itu; maka masing-masing pun melepaskan percintaan itu bergantilah dengan kesukaan. Maka genderang kesukaan pun dipalu oranglah terlalu azmat bunyinya. Maka sekalian raja-raja dan orang besar-besar, bala tentera hina-dina sekaliannya pun tahulah akan baginda beroleh kesukaan, kerana sudah kembali puteranya yang hilang itu. Maka baginda pun berkenduri arwah pula tujuh hari tujuh malam menjamu adinda baginda dan kakanda baginda dengan segala rakyat tentera yang dari kayangan itu bersuka-sukaan dengan segala bunyi-bunyian daripada rebab, kecapi, dandi, muri, serdam, bangsi, kopok, ceracap, nobat, nafiri tiadalah sangka bunyi lagi.

Setelah sudah bersuka-sukaan itu, hatta pada keesokan harinya, maka Tuan Puteri Bidadari Segerba memelukkan dan mencium puteranya seraya bersabda kepada kakanda baginda, ‘Ayuhan kakanda dan bonda serta adinda; maka adapun akan anakanda Tuan Puteri Renik Jintan ini, maka janganlah kakanda sekalian tunangkan dengan siapa-siapa pun, melainkan adinda harap dengan beribu-ribu penghargaan, rendah gunung tinggi lagi harap adinda, maka adinda mengharapi akan kakanda makbulkan hajat adinda. Adapun akan anakanda ini kakanda tunangkanlah dengan anakanda Raja Seri Mandul putera paduka kakanda Tuan Puteri Lindungan Bulan, putera kepada baginda Maharaja Besar negeri Benua Tua. Bolehlah kita berbesan dengan paduka kakanda itu bekerja tiga tahun menghabiskan kesukaan kita, masing-masing meninggalkan zaman kepada anak cucu kita kemudian hari kelak.’

4. Berdasarkan senarai kecekapan berterusan dalam pengajaran Bahasa Malaysia yang disenaraikan dalam Lampiran A beserta dengan petikan 2: Prosa (Moden) yang disediakan, anda dikehendaki menyediakan satu rancangan pengajaran harian. Reka bentuk pengajaran harian yang disediakan harus mengandungi unsur-unsur penggabungjalinan, penyerapan dan penyebatian dalam pengajaran bahasa.

(100 markah)

Petikan 2 : Prosa (Moden)

Kejadian-kejadian di Kelantan adalah satu pengalaman baru yang besar kesannya dalam jiwa Usman.

Di Kuala Terengganu dilihatnya banyak pula perempuan muda berjual beras di pasar. Fikirannya melayang ke Kota Baru kepada pengalaman-pengalaman yang nikmat yang diberi oleh taukenya dan yang meninggalkan bekas di keningnya itu.

Di depan pasar dilihatnya seorang muda yang sudah tua, tua kelihatan kerana dirinya tidak diurus lagi, rambut panjang, badan kotor, kain baju tidak tentu arah, kain sarung labuh sehingga menyapu-nyapu tanah dan baju yang dipakainya disarungkan terbalik dari belakang ke depan sehingga dada baju yang berbutang-butang itu terletak di belakangnya. Dan sangat menghairankan hati butang-butang bajunya kuning berkilat-kilat seperti emas. Butang baju itulah saja benda yang terpelihara pada seluruh batang tubuhnya.

Orang muda yang tua itu selalu senyum kepada semua orang yang lalu di depannya, tetapi sayang sekali semua orang benci memandangnya. Perempuan-perempuan jarang yang berani lalu di depannya walaupun ia sangat malu memandang muka perempuan walau perempuan tua sekali pun. Orang itu gila kerana perempuan.

Usman merasa ngeri mendengar cerita gila kerana perempuan ini. Dan dia meneruskan perjalanananya.

Sebelum sampai di tempat yang ditujunya, dalam hati dia telah menetapkan satu azam: hendak hidup dengan cara yang lurus dan benar.

Ada niatnya hendak balik ke kampung, tetapi tidak jadi. Dia hendak mencuci kesalahannya dulu sehingga semua orang lupa bahwa dia pernah menjadi pencuri telur ayam, baru dia hendak pulang.

Niatnya ke Singapura menjadi kuli atau peon pun telah dibatalkannya tatkala dia masih dalam perjalanan....

Kasidahnya yang merdu telah menarik perhatian orang-orang dalam sebuah kampung yang sunyi di pantai Timur. Malam itu dia singgah bermalam di masjid itu dengan maksud besok paginya akan meneruskan perjalanan yang belum tentu arahnya.

Tetapi waktu subuh orang-orang kampung telah ramai ke masjid kerana mendengar suara azannya yang berirama dalam kesunyian itu.

Di kampung itu dia ditahan orang, diminta menjadi guru dan mengajar kanak-kanak kampung mengaji Quran.

Sekarang penghidupannya menjadi susah semula. Khairat yang diterimanya dari hasil mengajar tidak memadai untuk hidup. Dengan pertolongan ketua kampung dia mendapat sebidang tanah di tepi hutan untuk berhuma dan mendirikan pondoknya.

Kesunyian di pondok baru itu menimbulkan kesunyian yang bersih dalam jiwanya. Muka-muka perempuan yang jelita seperti Salmah dan kakaknya di Kota Baru tidak lagi pernah dilihatnya. Tetapi keinginannya kepada perempuan semakin lama semakin besar. Bukan saja badannya yang sihat dan segar yang menimbulkan keinginan tersebut, tetapi juga kesunyian hidup terasa seperti gua batu yang gelap baginya yang memisahkan dia dari suara yang memberi hayat kepada manusia.

5. Berdasarkan senarai kecekapan berterusan dalam pengajaran Bahasa Malaysia yang disenaraikan dalam Lampiran A beserta dengan petikan 3: Puisi (Moden) yang disediakan, anda dikehendaki menyediakan satu rancangan pengajaran harian. Reka bentuk pengajaran harian yang disediakan harus mengandungi unsur-unsur penggabungjalinan, penyerapan dan penyebatian dalam pengajaran bahasa.

(100 markah)

Petikan 3 : Puisi (Moden)

Air Papan

Laut yang kulihat seperti nelayan seorang
di Air Papan Mersing empat batu jaraknya
cinta nelayan yang terhempas di pantai
pukat tunda dan harimau memakan rezeki segenggam
cinta petani yang hangus dipulas mentari
air masin dan babi hutan
bisa taringnya mencengkam sepanjang zaman.

Esok lusa anak-anak masih mengais pasir
sekolahnya darjah empat cuma
dunianya laut kerbau dan debu-debu panas
nasi dagang dan pulut inti.
Siang usang kosong di pondok-pondok
sawah ladang penuh penghuni
Air Papan tak seindah namanya
pegawai dan wakil rakyat
setahun susah sekali bersua.

Pepohon tinggi nyiur menjulang
sedamai wajah petani dan nelayan
ada gadis separuh mati dibakar usia
mini atau midi tak pernah mengganggu tidurnya
mimpinya satu cuma
esok tunangnya biarlah menggondolnya ke syurga.

Dari kampus menara gading lahir anak-anak baru
yang bernafas atas keringat nelayan dan petani
dengan tekad satu semangat yang padu
mahu menjilat sendiri
manis pahit hidup bangsanya di pedalaman
supaya esok lahir para wali
yang mengerti tangisan kaumnya.

Seminggu di Air Papan
terpaku citarasa anak-anak muda
ada membina syurga untuk bangsanya.

Zam Ismail (1971)
Daripada: Titian Zaman
DBP.

6. Berdasarkan senarai kecekapan berterusan dalam pengajaran Bahasa Malaysia yang disenaraikan dalam Lampiran A beserta dengan petikan 4: Puisi (Klasik) yang disediakan, anda dikehendaki menyediakan satu rancangan pengajaran harian. Reka bentuk pengajaran harian yang disediakan harus mengandungi unsur-unsur penggabungjalinan, penyerapan dan penyebatian dalam pengajaran bahasa.

(100 markah)

Petikan 4 : Puisi (Klasik)

Pantun Budi

Bunga Cina di atas batu
Jatuh daunnya ke dalam ruang
Adat dunia memang begitu
Sebab emas budi terbuang

Apa dikenang padi di bukit
Padi di bukit sambang sahaja
Apa dikenang budi sedikit
Budi sedikit terbuang sahaja

...6/-

Jauh sungguh pergi mandi
Maksud hati hendak bertapa
Berat sungguh menanggung budi
Seribu tahun memang tak lupa

Bila memandang ke muka laut
Nampaklah sampan mudik ke hulu
Bila terkenang mulut tersebut
Budi yang baik ingat selalu

Bunga melur bunga melati
Sunting anak panglima perang
Budi sedikit kubawa mati
Harta yang tinggal habuan orang

Tinggi bukit gilang gemilang
Air laut tenang-tenangan
Budi sedikit tidaklah hilang
Itu menjadi karang-karangan

DiPetik Dari: Kumpulan Pantun Melayu
DBP

...7/-

LAMPIRAN A

Kecekapan Berterusan Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia

1.0 Mendengar dan Bertutur

Kecekapan berbahasa bagi kemahiran mendengar dan bertutur adalah seperti yang berikut:

- 1.10. Melafazkan puisi dengan gaya yang menunjukkan pemahaman dan penghayatan terhadap isinya
- 1.12. Menyoal untuk mendapatkan maklumat seperti isi-isi penting, urutan idea dan peristiwa, dan tema yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi
- 1.15. Menyoal untuk mengetahui maksud keseluruhan dan rumusan yang tersurat dan tersirat yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi
- 1.17. Menyatakan isi-isi penting, urutan idea dan peristiwa, tema dan rumusan yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi
- 1.30. Menilai dan mengulas keindahan bahasa yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi dari segi bentuk dan gaya

2.0 Membaca

- 2.1. Membaca kuat bahan-bahan prosa dengan sebutan, intonasi dan gaya pembacaan yang baik serta kepantasan yang wajar
- 2.2. Membaca kuat bahan-bahan puisi dengan sebutan, intonasi, nada dan gaya yang menunjukkan pemahaman terhadap isinya.
- 2.5. Membaca dan memahami kata, frasa dan peribahasa yang terdapat dalam bahan puisi seperti pantun, sajak, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama
- 2.13. Membaca pelbagai bahan prosa dan puisi, dan menaakul maksud yang tersurat dan tersirat
- 2.17. Membaca, menilai dan mengulas dengan kritis tentang teknik persembahan, gaya bahasa dan keindahan karya kesasteraan yang meliputi bahan prosa dan puisi

3.0 Menulis

- 3.8. Membuat ringkasan isi cerpen, novel dan cerita klasik
- 3.22. Menghasilkan ulasan dan kritikan terhadap tajuk, penyataan, isu semasa,cerpen dan novel
- 3.23. Menghasilkan karya puisi seperti pantun, syair dan sajak.

